



PELAJAR UMS dan kanak-kanak Rumah Putera Harapan bergambar kenangan.



ANTARA acara permainan antara pelajar dan anak yatim.

Kunjungan siswa bawa ceria kepada anak yatim

HE 24.11.2013 9

Joy Bruno
joybrunolim@yahoo.com

SESEKALI berpeluang untuk melawat atau meninjau kehidupan kanak-kanak di kawasan pedalaman, sudah pasti akan memberi kita pengalaman baru mengenai kehidupan mereka. Apa lagi sekiranya yang dilawati itu adalah kanak-kanak yatim yang sememangnya memerlukan perhatian.

Sehubungan itu, sekumpulan pelajar dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) seramai 12 orang telah mengadakan program dan lawatan amal yang dinamakan Jalinan Mesra ke Rumah Putera Harapan (RPH) di Ranau baru-baru ini. Rombongan itu dikendalikan di bawah kursus perhubungan awam, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UMS yang diterajui oleh Charlie Albert Lasuin.

Program yang membawa tema *Together Sharing Love And Happiness* (Berkongsi Kasih Sayang dan Kegembiraan Bersama), direalisasikan pada hari tersebut dengan berbagai acara dan permainan yang diadakan bersama kanak-kanak ini.

Objektif utama program adalah untuk mengeratkan ikatan mesra antara penghuni RPH dengan mengambil peluang berkenalan warga RPH secara dekat. Selain itu, rombongan itu turut menghulurkan sumbangan berupa wang, pakaian terpakai serta hamper.

Pengetua Rumah Putera Harapan, Mohd Sabri Abdullah menyatakan rasa gembiranya atas kehadiran pelajar-pelajar itu, yang secara tidak langsung turut menceriakan penghuni-penghuni di sana pada hari itu.

Banyak pengalaman yang berfaedah diperolehi oleh rombongan pelajar ini sepanjang program sehari itu.

Kesedihan turut dirasai oleh mereka apabila melihat kanak-kanak di Rumah Putera Harapan itu begitu cekal mengharungi kehidupan sehar-

ian walaupun tanpa kehadiran ibu dan ayah di sisi mereka.

Menurut Norhafizah Ismail, Pengarah Program untuk kumpulan pelajar ini, seharian bersama kanak-kanak ini membuat dirinya insaf dan sedar, betapa keprihatinan yang diberikan oleh orang luar, dapat mengisi sedikit ruang kosong dalam jiwa kanak-kanak ini dan membuat mereka gembira.

"Saya selalu mengikuti program yang dianjurkan di kampus, tetapi untuk program amal, ini adalah yang pertama. Ia adalah program yang sangat bagus dan patut diadakan selalu demi meningkatkan sensitiviti dalam kalangan pelajar terhadap golongan kurang bernasib baik."

"Kita harus bersyukur dengan apa yang kita ada, kerana melihat kepada kanak-kanak ini, mereka sedikitpun tidak merungut dengan kekurangan dalam kehidupan mereka, sebaliknya mereka lebih tabah walaupun usia mereka masih muda."

"Saya juga ingin menggalakkan kepada mereka yang berkemampuan agar dapat menghulur bantuan, tidak kiralah dalam apa bentukpun supaya dapat meringankan sedikit bebanan mereka."

"Aktiviti amal begini akan saya teruskan, biarpun sudah bekerja nanti. Mungkin juga saya akan cuba mencari maklumat yang tepat tentang tempat-tempat sebegini, dan mendaftarkan diri saya sebagai seorang sukarelawan," kata Norhafizah.

Chin Yien Ling, yang bertindak sebagai pengurus perhubungan dalam kumpulan itu, begitu teruja mengikuti rombongan melawat rumah anak yatim ini, dan pengalaman pertama itu baginya sangat berharga dan patut diteruskan.

"Kanak-kanak di sini bukan sahaja anak yatim yang sudah kehilangan tempat bergantung tetapi ada juga yang datang dari keluarga miskin di pedalaman. Mereka begitu berdisiplin

dan pandai membuat kerja masing-masing tanpa disuruh.

"Kecekalan mereka membuat saya terharu dan saya sangat berharap lebih banyak lagi bantuan akan dihulurkan oleh orang ramai kepada mereka."

"Saya akan meneruskan usaha murni ini di masa akan datang," ujar Chin menyatakan tekadnya.

Seorang lagi pelajar yang turut serta pada program hari itu ialah How Hee Weng yang begitu sedih melihat keadaan tempat tinggal kanak-kanak ini, di mana keperluan asas tidak begitu lengkap.

"Namun perasaan sedih itu bertukar gembira apabila melihat mereka begitu ceria menerima kedatangan kami. Sedikit sumbangan yang kami hulurkan pada hari itu diharapkan dapat meringankan sedikit bebanan mereka."

"Saya juga berharap agar lebih ramai dermawan tampil menghulurkan bantuan. Sekurang-kurangnya mereka tidak berasa dipinggirkan serta tahu masih ada insan mulia di luar sana yang mengambil berat dan sedar akan kewujudan mereka," kata How menutup bicara.

Sebagai tanda terima kasih atas kunjungan pelajar-pelajar ini, kanak-kanak di rumah itu telah menulis kata-kata dan ucapan terima kasih pada sekeping kad, dan paling menyeronokkan apabila mereka berusaha menulis dengan tulisan Cina yang ternyata menjadi satu kejutan yang membuat pelajar-pelajar UMS itu gembira.

Bagi golongan yang sememangnya dilahirkan dalam keluarga sempurna, mungkin sukar untuk menjalani kehidupan seperti mereka, tetapi bagi penghuni di sana, keadaan tersebut sudah menjadi kebiasaan mungkin kerana mereka semua mempunyai nasib yang sama sehingga membolehkan mereka memahami antara satu dengan yang lain."



ATAS: Wakil pelajar UMS memberi sumbangan berbentuk kewangan kepada Mohd Sabri (kiri). Kanan: How (kanan) menyampaikan cenderahati kepada Mohd Sabri.

